

UMS raih kemenangan dalam MTE ke-9

KOTA KINABALU: Penyertaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) ke-9 tidak sia-sia apabila empat hasil penyelidikan yang dipertaruhkan universiti itu berjaya meraih pingat.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan kelmarin, UMS meraih satu pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam pertandingan yang menampilkan 499 produk pada pameran yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 4-6 Feb lepas.

Pingat perak tersebut diperolehi menerusi penyertaan sulung Prof. Madya Dr. Patricia Anthony bertajuk ‘Context-Aware Home With Multi-Agent System’. Manakala pingat gangsa disumbangkan oleh Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun melalui produknya, ‘Wholemath: Educational Game for Mathematics’.

Dua lagi gangsa adalah daripada produk bertajuk ‘Forest Tea-An Aromatic Herbal Tea From Wild Edible



WAKIL...Barisan peserta daripada UMS dalam pertandingan MTE ke-9, 2010 di PWTC, Kuala Lumpur.

Plants of Sabah’ oleh Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dan ‘Biodegradable Paper Pots Made From Miture of Laran (*Neolamarekia cadamba*) and Banana (*Musa sp.*) Pseudostem Fibres’ oleh Shirley Bakansing .

Selain itu, UMS turut menerima maklumbalas positif daripada beberapa buah syarikat swasta dan orang perseorangan yang berminat untuk mendakwa padanan perniagaan dengan produk universiti tersebut.

Sementara itu, pengerusi

Penganjur MTE 2010 yang juga Timbalan Pengarah Persatuan Sainstis Penyelidikan Malaysia (MARS) Dr. Wan Mansho W. Zin berkata, penganjuran MTE tahun ini selaras dengan Program Malaysia Inovatif 2010 yang menggalakkan inovasi dan kreativiti rakyat Malaysia.

“Penyertaan MTE tahun ini menerima sambutan yang amat mengalakkan kerana selain menerima penyertaan dari dalam negara, kita turut menerima penyertaan dari luar,” katanya.